



مجلس باندرای ملاک برسجاره

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender bagi perolehan berikut :

BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT TENDER DITUTUP
MBMB/T/2022/7 PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN JALAN-JALAN NEGERI DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH TARIKH KELULUSAN : 27/7/2021 MBMBJKP.400-10/3/210	<u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u> 221002 – Membersih Kawasan DAN 221003 – Mengangkat Sampah	<u>HARGA</u> RM50.00 * Tidak akan dikembalikan <u>TARIKH</u> 29 Julai 2022 (Jumaat) sehingga 18 Ogos 2022 (Khamis)	TIADA	<u>TARIKH</u> 18 Ogos 2022 (Khamis) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya petender membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen tender secara dalam talian dengan harga RM50.00 bermula pada **29 Julai 2022 (Jumaat) sehingga 18 Ogos 2022 (Khamis)**

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kawangan)**. Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PKP
Ketua Audit Dalam